

Yasin dirawat kali pertama di hospital

19 Mei 2022

## Yasin dirawat kali pertama di hospital

**Petaling Jaya:** Penyanyi nasid dan komposer, Muhammad Yasin Sulaiman, 47, mendapatkan rawatan penyakit bipolar kali pertama di Hospital Sungai Buloh, kelmarin selepas berdepan hukuman gantung sampai mati akibat didakwa di mahkamah atas tuduhan mengedar ganja.

Peguam Muhammad Yasin, Ariff Azami Hussein berkata, anak guamnya yang turut didakwa kerana menanam pokok ganja akan mendapatkan rawatan susulan dalam tempoh enam minggu ini di hospital sama.

"Ada dua perkara ingin dimaklumkan, pertamanya kami ingin memberi perkembangan pada pagi ini proses rawatan diuruskan oleh pihak penjara dan semalam OKT (Orang Kena Tuduh) itu dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan.

"Walaupun agak lewat (Yasin dibawa untuk rawatan), kami ucap terima kasih kepada mahkamah dan penjara kerana memungkinkan rawatan itu. Yang kedua, laporan kimia tak siap lagi, (namun) kami harap tarikh sebutan kes tak lama, sebulan (daripada hari ini)," katanya pada sebutan kes di Mahkamah Majistret dan Sesyen, di sini, semalam.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Norhashimah Hashim dan Maryam Jamilah Ab Manaff memohon tarikh sebutan kes untuk penyerahan laporan kimia



YASIN mendapatkan rawatan penyakit bipolar kali pertama di Hospital Sungai Buloh, kelmarin selepas berdepan hukuman gantung sampai mati. - Gambar NSTP/OWEE AH CHUN

berkenaan.

Selepas mendengar permohonan kedua-dua pihak, Majistret Zhafran Rahim Hamzah dan Hakim Jamaludin Man menetapkan 22 Jun depan untuk tarikh sebutan berkenaan.

Turut hadir pada prosiding, Presiden Parti Ikatan Demokratik Malaysia (Muda), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan abang Muhammad Yasin, Zain Sulaiman.

Sementara itu, Muhammad Yasin ketika ditemui berterima kasih kepada Syed Saddiq dan rakan yang hadir memberi sokongan

kepadanya.

"Semoga kerajaan mengeluarkan ganja daripada senarai narkotik," katanya.

Syed Saddiq pula berkata, beliau sudah berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk memperhalusi cadangan penggunaan ganja bagi tujuan perubatan.

"Perdana Menteri ada membangkitkan isu ini dalam (mesyuarat) Kabinet dan saya dengar ada maklum balas sangat positif. Ada timbalan menteri memaklumkan bahawa Kabinet secara prinsip sudah meluluskannya dan akan

ada wakil Kabinet yang uruskan.

"Saya memang sebak mungkin akan membantu dalam isu ini supaya dilihat daripada sudut data dan sains," katanya.

Manakala Zain berkata, ahli keluarga melawat Muhammad Yasin di Penjara Sungai Buloh setiap minggu bagi memberi sokongan kepada adiknya itu.

"Ahli keluarga memberi sokongan berterusan kepada Yasin sebab tak nak dia rasa tidak semangat dan akan pastikan dia makan ubat secara konsisten," katanya.